

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

20. Sila bantangkan kedudukan bayaran bagi kos menyediakan laporan untuk Projek Terowong Dasar Laut oleh Kerajaan Negeri iaitu RM305 juta.
- (a) Sila laporkan bilakah laporan untuk projek terowong ini disiapkan dan kedudukan Projek Pembinaan Terowong Dasar Laut secara terperinci.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. Kos keseluruhan bagi laporan kajian kebolehlaksanaan dan reka bentuk terperinci bagi Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong Dasar Laut adalah sebanyak RM305,003,880.00.

Kerajaan Negeri telah membuat pembayaran sebanyak RM208,755,080.00 kepada Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (CZC) bagi penyediaan laporan kajian kebolehlaksanaan dan reka bentuk terperinci untuk Projek Jalan-Jalan Utama sahaja menerusi pemberimilikan tanah lot 702 dan lot 713 di kawasan Sri Tanjung Pinang 1 (STP 1).

Setakat ini, Kerajaan Negeri belum membuat sebarang bayaran bagi penyediaan laporan kajian kebolehlaksanaan bagi projek Terowong Dasar Laut kepada CZC.

- (a) CZC telah mengemukakan draf laporan kajian kebolehlaksanaan Projek Terowong Dasar Laut pada 6 September 2019 kepada Kerajaan Negeri setelah di teliti

oleh pihak jurutera perunding bebas (ICE) lantikan Kerajaan Negeri.

Draf laporan tersebut kini sedang diteliti oleh Jawatankuasa Kerja Teknikal dalam beberapa siri mesyuarat sejak bulan September 2019. Jawatankuasa ini sedang mempertimbangkan hasil kajian laporan tersebut dan keputusan jawatankuasa ini dijadualkan untuk dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang (MMK) pada hujung bulan April 2020 untuk kelulusan.